

SULIT

**PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK SPM
TAHUN 2011**

MATA PELAJARAN

PRINSIP AKAUN 2

SULIT

3756/2

3756/2

Prinsip

Perakaunan

Kertas 2

Ogos

2011

2 ½ jam

PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK SPM

TAHUN 2011

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan dua soalan dalam Bahagian B.*
3. *Bersama dengan kertas soalan ini tiap-tiap calon diberi alat tulis perakaunan berikut:*

Buku Tunai 1 helai

Jurnal 1 helai

Lejar 2 helai

4. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
5. *Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.*
6. *Mulakan tiap-tiap jawapan pada helaian yang baru.*
7. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah


3756/2

SULIT

Bahagian A
[60 markah]

Jawab semua soalan

1 (a) Rajah di bawah menunjukkan Kitaran Perakaunan.



Apakah X dan Y?

[2 markah]

(b) Tunjukkan catatan dalam Jurnal Am bagi urus niaga dibawah:

(i) Beli perabot secara kredit RM4 500 daripada Kedai Jaya pada 1 Mac 2011.

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
Mac 1				

[2 markah]

(c) Nyatakan catatan bergu bagi urus niaga dibawah.

	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
Ambilan barang untuk kegunaan peribadi.		

[2 markah]

SULIT

3

3756/2

(d) Maklumat berikut diambil daripada slip gaji seorang pekerja:

	RM
Gaji kasar	5 465
Elaun-elaun	1 380
Potongan yang dibenarkan	2 000

Hitungkan gaji bersih beliau.

[2 markah]

(e) Maklumat berikut diperoleh daripada Belanjawan Tunai Perniagaan Bakti bagi bulan Januari 2012:

	RM
Baki awal	6 500
Jumlah penerimaan	29 500
Jumlah pembayaran	18 600

Hitungkan:

(i) Lebihan

(ii) Baki akhir

[2 markah]

SULIT

4

3756/2

- 2 Cik Hayati ialah pemillik Hayat Enterprise yang beroperasi di Pekan Baru Sungai Petani, Kedah. Berikut ialah maklumat yang diperoleh daripada buku-buku perniagaannya:

Imbangan Duga pada 30 April 2011		
	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Mei 2010		105 000
Ambilan	12 000	
Pulangan-pulangan	450	1 102
Pinjaman bank		50 000
Faedah atas pinjaman	2 000	
Belian dan jualan	52 800	155 880
Penghutang dan pemiutang	29 900	14 067
Alat tulis	2 365	
Bank	76 155	
Tunai runcit	496	
Komisen		760
Hutang lapuk	500	
Peruntukan hutang ragu		330
Gaji	18 000	
Diskaun diberi	570	
Perabot (kos)	38 750	
Kenderaan (kos)	80 000	
Angkutan masuk	1 000	
Stok pada 1 Mei 2010	14 397	
Kadar bayaran	1 756	
Insurans	900	
Sewa	10 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		11 400
Susut nilai terkumpul perabot		3 500
	342 039	342 039

Maklumat tambahan:

- i Stok pada 30 April 2011 berjumlah RM12 560 mengikut harga kos dan RM14 500 mengikut harga pasaran.
- ii. Stok alat tulis pada 30 April 2011 berjumlah RM285.
- iii. Kadar bayaran belum bayar RM246.
- iv. Komisen terakru RM3 600.
- v. Pada 30 April 2011, seorang penghutang didapati telah mufliis dan hutang RM1 000 dihapuskan sebagai hutang lapuk. Perkara ini belum direkodkan.

3756/2

SULIT

SULIT

5

3756/2

- vi. Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas penghutang bersih.
- vii. Kadar susut nilai:
 - Perabot 20% setahun atas kos.
 - Kenderaan 20% mengikut kaedah baki berkurangan.
- viii. Sebuah alatan pejabat RM2 000 yang dibeli pada 28 April 2011 telah tersalah rekod dalam Akaun Belian. Kesilapan ini belum dibetulkan.

Anda dikehendaki menyediakan;

- a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 April 2011. [13 markah]
- b) Kunci Kira-kira pada 30 April 2011. (tunjukkan modal kerja) [12 markah]

SULIT

6

3756/2

- 3 Kelab Riadah Santai ialah sebuah kelab menyelam skuba (scuba diving) dan berkayak di Pulau Dayang Bunting, Langkawi. Aktiviti utama kelab ialah menjual peralatan selam skuba dan menyewa kayak. Maklumat berikut diambil daripada buku kewangan kelab pada 31 Julai 2011 :

(a) Baki aset dan liabiliti :

	<u>1 Ogos 2010</u>	<u>31 Julai 2011</u>
	RM	RM
Kayak	22 000	22 000
Lengkapan	1 960	3 280
Penghutang	3 120	4 680
Stok	2 805	3 416
Yuran ahli tertunggak	160	-
Yuran ahli terdahulu	-	340
Bank	4 726	22 769
Kadar bayaran terakru	227	-
Akhbar dan majalah terdahulu	-	80

(b) Ringkasan Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Julai 2011 adalah seperti berikut :

	RM		RM
Baki b/b	4 726	Baiki kayak	510
Yuran masuk	2 000	Lengkapan	1 820
Yuran ahli	12 460	Belanja hari keluarga	2 400
Penghutang	16 808	Kadar bayaran	2 282
Sewa kayak	9 920	Belian alatan scuba	14 373
Kutipan pertandingan berkayak	15 125	Gaji pekerja	4 200
		Akhbar dan majalah	185
		Belanja pertandingan berkayak	3 100
		Derma	400
		Hadiah pertandingan berkayak	9 000

SULIT

7

3756/2

Maklumat tambahan :

- (i) 2/3 daripada gaji pekerja adalah upah pekerja menjual peralatan selam skuba.
- (ii) Kayak disusutnilaikan 10% setahun menggunakan kaedah garis lurus.
- (iii) Yuran masuk hendaklah dianggap sebagai pendapatan hasil.
- (iv) Pulangan jualan ialah RM813

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun Kawalan Penghutang. [4 markah]
- (b) Penyata Perdagangan Peralatan Selam Skuba bagi tahun berakhir 31 Julai 2011. [4 markah]
- (c) Akaun Yuran. [3 markah]
- (d) Hitung untung atau rugi pertandingan berkayak. [3 Markah]
- (e) Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Julai 2011. [11 Markah]

SULIT

8

3756/2

Bahagian B**[40 markah]***Jawab dua soalan sahaja*

4. Encik Adam dan Puan Dewi ialah rakan kongsi dalam Perkongsian Awi yang berkongsi untung rugi dalam nisbah 1: 2. Perjanjian perkongsian mereka adalah seperti berikut:

Faedah atas modal ialah 8% setahun.

Faedah atas ambilan ialah 5% setahun.

Gaji Adam RM7 800 setahun.

Petikan dari Imbangan Duga perkongsian tersebut pada 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:

	Debit	Kredit
	RM	RM
Alatan Pejabat	8 500	
Penghutang	4 200	
Pinjaman daripada Dewi		6 000
Gaji Adam	6 000	
Akaun Modal pada 1 Januari 2010:		
Adam		16 000
Dewi		32 000
Akaun Semasa pada 1 Januari 2010:		
Adam		7 980
Dewi	1 570	
Ambilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010:		
Adam : 1 Januari 2010	5 000	
Dewi : 1 April 2010	10 000	

Untung Bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 ialah RM39 662.

Rakan kongsi bersetuju untuk membuat pelarasan Untung Bersih bagi perkara berikut:

- (i) Faedah atas pinjaman Dewi 5% setahun akan dikreditkan ke Akaun Semasa.
- (ii) Hutang lapuk terpulih RM310.
- (iii) Alatan pejabat disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

3756/2

SULIT

SULIT

9

3756/2

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) **Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.** [8 markah]
- (b) **Akaun Semasa setiap pekongsi dalam bentuk beruangan.** [7 markah]
- (c) **Bahagian Ekuiti Pemilik dalam Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2010.** [3 markah]
- (d) **Apakah maksud Ikatan Perkongsian dan nyatakan tujuan ia disediakan.** [2 markah]

SULIT

10

3756/2

5 (a) Perniagaan Suria ialah pembekal barangan pertanian di Kuala Nerang Kedah.

Di bawah adalah urus niaga sepanjang bulan Mac 2011:

Mac 1 Baki tunai di tangan RM1 000.

1 Baki tunai di bank RM7 583.

6 Belian tunai bayar dengan cek bernombor 042351 sebanyak RM2 486.

8 Jualan tunai wang dibankkan RM774.

9 Jualan tunai RM800.

11 Bayar Perabot Dzz RM1 965 dengan cek bernombor 042352.

16 Yun Yun Bhd membayar dengan cek RM790.

18 Membayar Syarikat Baraza Bhd berjumlah RM960 dengan cek bernombor 042353.

20 John dan Jol membayar dengan cek RM1 234.

25 Membayar Perniagaan Aziz RM1 248 dengan cek bernombor 042354.

27 Beli alat tulis RM150 tunai.

30 Bayar sewa RM560 dengan cek bernombor 042355.

Anda dikehendaki merekodkan urusniaga bulan Mac 2011 ke dalam Buku Tunai.

[12 markah]

SULIT

11

3756/2

(b) Perniagaan Suria Enterprise menerima Penyata Bank untuk bulan Mac 2011 yang menunjukkan baki yang berbeza dengan baki Buku Tunai yang telah di sediakan .

Berikut ialah Penyata Bank untuk bulan tersebut:

Penyata Bank					
BANK TEGOH MALAYSIA BHD					
Perniagaan Suria Enterprise					
Lot 2447 New Village Spot					
06300 Kuala Nerang					
Kedah					
Tarikh: 31 Mac 2011			No. Akaun: 011607281031		
Tarikh	Butir	No. cek	Debit	Kredit	Baki
2011			RM	RM	RM
Mac 1	Baki b/b				8 083 (kt)
10	Cek	042351	2 486		5 597 (kt)
11	Deposit			774	6 371 (kt)
12	Cek	042350	500		5 871 (kt)
18	Cek	042352	1 965		3 906 (kt)
20	Dividen (Sykt. Min Min Bhd)			1 413	5 319 (kt)
28	Cek	042354	1 428		3 891 (kt)
28	Deposit			790	4 681 (kt)
31	Caj Bank		174		4 507 (kt)
	Jumlah		6 553	2 977	

Maklumat tambahan:

Cek no. 042354 berlaku kesilapan di Buku Tunai.

Anda dikehendaki menyediakan

Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2011 (tanpa mengemaskini Buku Tunai), dengan menggunakan buku tunai dari jawapan (a) dan penyata bank yang diterima.

[8 markah]

3756/2

SULIT

SULIT

12

3756/2

- 6 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kilang Kain Nur Aliya pada 31 Julai 2011.

	RM
Stok 1 Ogos 2010:	
Bahan langsung	5 650
Barang siap	4 500
Kerja dalam proses	3 400
Belian bahan langsung	15 450
Sewa kilang	2 800
Angkutan masuk bahan langsung	680
Modal 1 Ogos 2010	62 635
Alatan pejabat	44 000
Insurans	1 740
Pulangan belian bahan langsung	640
Upah buruh langsung	7 000
Upah buruh tak langsung	1 165
Gaji pejabat	3 780
Angkutan keluar	950
Kadar bayaran	3 500
Mesin	80 000
Susut nilai terkumpul mesin	8 000
Pinjaman bank	48 900
Belanja am	400
Jualan	69 580
Pulangan jualan	340
Alat tulis kilang	530

3756/2

SULIT

SULIT

13

3756/2

Maklumat tambahan:

- (i) Mesin disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (ii) 10% daripada belanja am adalah untuk belanja am pejabat.
- (iii) Kadar bayaran dan insurans dibahagi antara kilang dan pejabat mengikut nisbah 3:1.
- (iv) Sewa kilang terdahulu RM200.
- (v) Upah buruh langsung terakru RM550.
- (vi) Stok pada 31 Julai 2011: **RM**

Bahan langsung	4 100
Barang siap	5 360
Kerja dalam proses	2 500

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Julai 2011. [15 markah]
- (b) Penyata Pendapatan sehingga untung kasar bagi tahun berakhir 31 Julai 2011. [3 markah]
- (c) Apakah perbezaan antara kos buruh langsung dan kos buruh tak langsung. [2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT